
**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN JOHOR**

(NOMBOR PENDAFTARAN: 3648 004)

AHLI-AHLI
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN JOHOR
(Kemaskini pada 29 April 2022)

Pihak Pegawai (Pengurusan):

1. (Kosong) - Pengerusi
Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor
2. Sr Noor Helmy bin Noordin - Pengerusi Ganti/Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I (TPUP I)
3. Sr Ahmad Kamal Arifin bin Jaafar - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II (TPUP II)
4. Sr Shafiq Azwan Bin Zalil - Ahli
Juruukur Daerah Johor Selatan
5. Sr Lam Chee Siong - Ahli
Juruukur Daerah Johor Tengah
6. YM Sr Raja Mohd Faridulhalim Bin Raja Md. Arif - Ahli
Juruukur Daerah Johor Timur
7. Sr Siti Mariam Binti Noruddin - Ahli
Juruukur Daerah Johor Utara
8. Sr Mohd Khairol Nizam bin Haron - Ahli
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Ukuran Hakmilik Tanah
9. Sr Mohd Hilmi Bin Abdullah - Ahli
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Strata, Stratum dan Marin

10. Sr Mohammad Zulhimi bin Che Abdullah - Ahli
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Pangkalan Data Ukur Kadaster
11. Encik Aiman Syahmi bin Mohamad Atrash - Ahli
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Penerbitan Peta Kadaster
12. Puan Nur Hayati Binti Ayob - Ahli
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Khidmat Pelanggan
13. Puan Norsyafikah binti Kamarauzaman - Ahli
Penolong Pengarah Ukur
Seksyen Kadaster Pelbagai
14. Encik Suhaili bin Sulaiman - Setiausaha
Penolong Pegawai Tadbir, N32(M)
Seksyen Khidmat Pengurusan

Pihak Pekerja:

1. Encik Rosman Bin Yem
Penolong Juruukur Kanan, JA38
Cawangan Semakan Kualiti - Naib Pengerusi
2. Puan Norasikin Binti Sailan
Penolong Juruukur, JA29
Cawangan Semakan Kualiti - Setiausaha bersama
3. Puan Nur Marshila Binti Sulieman
Penolong Juruukur, JA36
Cawangan Pendaftaran - Ahli
4. Encik Mazlan Bin Md Nor
Penolong Juruukur, JA29
Cawangan Inspektorat - Ahli
5. Encik Mazlan Bin Othman
Penolong Juruukur, JA29
Cawangan Pelan Berdigit - Ahli
6. Puan Norazimah Binti Rayian
Pembantu Tadbir, N19
Seksyen Khidmat Pengurusan - Ahli
7. Encik Johari Bin Yusof
Pembantu Operasi, N14
Seksyen Ukuran Hakmilik Tanah - Ahli
8. Puan Norliza Binti Ab Wahab
Penolong Juruukur, JA29
Cawangan Pendaftaran - Ahli
9. YM. Engku Haizul Hakimi Bin Engku Hamzah
Penolong Juruukur, JA29
Pejabat Ukur Daerah Johor Selatan - Ahli
10. Encik Rahmat Bin Ibrahim
Pembantu Operasi, H14
Pejabat Ukur Daerah Johor Selatan - Ahli
11. Encik Shahrudedwan Bin Mohd Lani
Penolong Juruukur, JA29
Pejabat Ukur Daerah Johor Tengah - Ahli
12. Encik Abd Zahid Bin Abd Rahim
Pembantu Awam, H11
Pejabat Ukur Daerah Johor Tengah - Ahli

13. Tuan Haji Ibrahim Bin Ab Aziz - Ahli
Penolong Juruukur, JA29
Pejabat Ukur Daerah Johor Timur
14. Encik Zaidi Bin Md Taifor - Ahli
Pembantu Awam, H14
Pejabat Ukur Daerah Johor Timur
15. Encik Mohd Farid Bin Mohd Jumari - Ahli
Penolong Juruukur, JA29
Pejabat Ukur Daerah Johor Utara
16. Encik Mohd Helmi Bin Mohd Salleh - Ahli
Pembantu Awam, H14
Pejabat Ukur Daerah Johor Utara

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
BAGI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI JOHOR**
(Berkuatkuasa pada 1 Januari 2017)

KEAHLIAN

1. Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bagi Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor (JUPEM Johor) (selepas ini disebut sebagai '**MAJLIS**') hendaklah mengandungi 31 ahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha-Setiausaha yang terdiri daripada 13 ahli yang dilantik oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor (selepas ini disebut sebagai '**PIHAK PEGAWAI**') dan 17 ahli yang dipilih oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-Persatuan Kakilangan yang mewakili pekerja-pekerja di JUPEM Johor atau oleh pekerja-pekerja itu sendiri (selepas ini disebut '**PIHAK PEKERJA**').

PIHAK PEGAWAI

2. Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai JUPEM Johor seperti berikut:-

i.	Pengarah Ukur dan Pemetaan	Pengerusi
ii.	Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan (Pengurusan)	Pengerusi Ganti/Ahli
iii.	Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan (Operasi)	Ahli
iv.	Juruukur Daerah Johor Selatan	Ahli
v.	Juruukur Daerah Johor Timur	Ahli
vi.	Juruukur Daerah Johor Tengah	Ahli
vii.	Juruukur Daerah Johor Utara	Ahli
viii.	Penolong-Penolong Pengarah Ukur	Ahli
ix.	Penolong Pegawai Tadbir	Setiausaha

Mereka ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing.

PIHAK PEKERJA

3. Ahli-Ahli Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja di dalam JUPEM Johor dan dilantik oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-Persatuan yang berdaftar yang mewakili pekerja-pekerja atau oleh pekerja-pekerja itu sendiri. Pelantikan Ahli-Ahli Pihak Pekerja hendaklah diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor. Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada:-

- 3.1 Dua (2) orang wakil Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU);
- 3.2 Satu (1) orang wakil Gabungan Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Kerani dan Bersekutu Kerajaan (AUEGCAS);
- 3.3 Satu (1) orang wakil Kesatuan Pembantu Am Pejabat Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia (KPAP);
- 3.4 Satu (1) orang wakil Penolong Juruukur Gred JA38IJA36;
- 3.5 Tiga (3) orang wakil dari pelbagai Skim Perkhidmatan Gred 17 hingga 29; dan
- 3.6 Dua (2) orang wakil dari seliap Pejabat Ukur Daerah yang terdiri dari satu (1) orang wakil Penolong Juruukur Gred JA29 dan satu (1) orang wakil Pembantu Awam H14/H11.

4. Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada Kesatuan/Persatuan yang melantik yang mengosongkan jawatan itu atau pekerja-pekerja itu sendiri.

5. Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai dari tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/dipilih.

PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

6. Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama hendaklah terdiri daripada dan dipilih oleh Pihak Pekerja.

TUJUAN

7. Tujuan Majlis adalah untuk memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara JUPEM Johor dengan pegawai-pegawai yang bergaji di dalam JUPEM Johor mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi JUPEM Johor.

BIDANG DAN FUNGSI

8. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut:-

- (i) Membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali semua perkara mengenai pekerja-pekerja perseorangan;
- (ii) Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan memenuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;
- (iii) Menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran berbagai jabatan; dan
- (iv) Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

MESYUARAT-MESYUARAT

9. Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan 3 bulan sekali.

10. Korum bagi mesyuarat Majlis hendaklah tidak kurang daripada tujuh (7) ahli Pihak Pegawai dan sepuluh (10) ahli Pihak Pekerja.

11. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-Setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.

12. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan perminlaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh Pegawai-Pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat tersebut.

KEPUTUSAN

13. Segala keputusan-keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan di antara kedua-dua belah pihak.

14. Keputusan yang diambil jika sekira tidak ada hubungan dengan jabatan-jabatan lain dan tidak pula berlelingkah dengan dasar Kerajaan bolehlah disenggarakan atau dilaksanakan terus oleh JUPEM Johor. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan atau pun jabatan-jabatan lain ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atau jabatan-jabatan yang berkenaan.

PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

15. Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana satu mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberikan dan diedarkan kepada Ahli-Ahli Majlis sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan yang diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk diluluskan.